

## **Pusat Pergigian Kanak-Kanak & Kolej Latihan Pergigian Malaysia**

Tajuk Dokumen : Arahan Kerja Korona dan Jambatan

No. Dokumen: AK/PP/10

No. Pindaan: 0

Tarikh Berkuatkuasa: 16 Oktober 2009

**Tujuan:** Prosedur ini untuk memastikan rawatan Korona dan Jambatan diberikan dengan berkesan kepada pesakit yang hadir di Bilik Rawatan (BR) dan Klinik Khas (KK).

**Skop:** Prosedur ini digunapakai bagi semua pesakit yang datang ke BR dan KK untuk mendapatkan rawatan.

### **1.0 Persediaan Peralatan dan Bahan**

- 1.1 Sebelum, semasa dan selepas rawatan, kawalan jangkitan silang hendaklah dipatuhi oleh perawat dan pembantu perawat mengikut **Guidelines on Infection Control in Dental Practice (MOH/K/GIG/20.2007(GU))**.
- 1.2 Perawat hendaklah mengenalpasti gigi dan jenis Korona dan Jambatan yang bakal dilakukan dan beri penerangan kepada pesakit tentang rawatan yang bakal diberikan pada lawatan tersebut.
- 1.3 Pembantu perawat hendaklah menyediakan peralatan dan bahan yang sesuai dengan rawatan mengikut **Guidelines on Infection Control in Dental Practice (MOH/K/GIG/20.2007(GU))**.

### **2.0 Penyediaan Gigi**

- 2.1 Apabila peralatan dan bahan telah disediakan, Perawat memulakan rawatan dengan mengambil impresi di kawasan penyediaan korona/Jambatan untuk membuat korona/jambatan sementara.
- 2.2 Perawat hendaklah membuat penyediaan gigi menggunakan handpiece dan bur yang bersesuaian.
- 2.3 Setelah penyediaan gigi dilakukan mengikut jenis Korona/Jambatan yang telah dikenalpasti, sediakan korona/Jambatan sementara mengikut impresi kawasan penyediaan dan bentuk gigi yang telah sedia.

### **3.0 Pengambilan Impresi**

- 3.1 Setelah siap penyediaan gigi, peralatan dan bahan untuk pengambilan impresi seluruh rahang hendaklah disediakan oleh pembantu perawat.
  - 3.1.1 Sekiranya impresi tidak dapat dilakukan pada lawatan yang sama, tampalkan gigi dengan Korona/Jambatan sementara.
- 3.2 Perawat meletakkan kod peretrak di sekeliling poket gingiva gigi yang telah sedia.
  - 3.2.1 Kawal perdarahan sekiranya berlaku.

## **Pusat Pergigian Kanak-Kanak & Kolej Latihan Pergigian Malaysia**

Tajuk Dokumen : Arahan Kerja Korona dan Jambatan

No. Dokumen: AK/PP/10

No. Pindaan: 0

Tarikh Berkuatkuasa: 16 Oktober 2009

- 3.3 Bancuhan impresi (mengikut arahan pengeluar) dilakukan oleh pembantu perawat.
- 3.4 Setelah bancuhan sebati, pengambilan impresi hendaklah dilakukan oleh perawat.
- 3.5 Korona/Jambatan sementara diletakkan dan disimen pada gigi yang telah disediakan.
- 3.6 Sementara perawat menyimen Korona/Jambatan sementara, pembantu perawat hendaklah menghantar impresi kepada pihak makmal untuk proses membuat Korona/Jambatan.
  - 3.6.1 Sekiranya Korona/Jambatan dilakukan di luar, impresi hendaklah dihantar dalam masa 24 jam selepas impresi dilakukan.

### **4.0 Penyimenan Korona/Jambatan**

- 4.1 Pada lawatan yang berikutnya, apabila Korona/Jambatan telah siap, Perawat hendaklah mengenalpasti korona/jambatan adalah untuk gigi pesakit yang betul.
- 4.2 Keluarkan Korona/Jambatan sementara dan hendaklah meletakkan kepada gigi yang telah tersedia.
- 4.3 Perawat hendaklah melakukan semakan gigitan pesakit semasa meletakkan Korona/Jambatan pada posisinya.
  - 4.3.1 Sekiranya terdapat banyak pembedahan yang perlu dilakukan, kenalpasti langkah pembedahan dan lakukan pembedahan pada Korona/Jambatan atau serahkan kembali kepada pihak makmal.
- 4.4 Setelah Korona/Jambatan adalah sepadan dengan gigi yang telah disediakan, penyimenan Korona/Jambatan hendaklah dilakukan dengan baik.
- 4.5 Lakukan semakan gigitan semasa penyimenan dilakukan.
- 4.6 Berikan nasihat selepas rawatan kepada pesakit

Disediakan oleh: Dr Siti Norhazlin Binti Mohd Said; t/t:

Disemak oleh 1 : Dr Asilatul Hana Binti Abdullah Sani ; t/t

Disemak oleh 2: Dr Ahmad Termizi Bin Zamzuri; t/t:

Diluluskan oleh: Dr Hasenah Binti Mod Zaki, Pengarah; t/t: